

SUARA



DBKL

• NOV - DIS • 1998 ISSN 0128-1194 • NASKHAH PERCUMA •

MAKMAL ANALISIS MAKANAN

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merupakan antara organisasi yang menganggotai Jawatan Kuasa Keselamatan Makanan yang ditubuhkan di negara ini bagi memastikan harga pasaran bekalan, mutu dan

keselamatan bahan makanan terkawal.

DBKL peka dengan masalah pencemaran daripada racun makhluk perosak, penipuan dan makanan tidak berkualiti. DBKL telah membelanjakan sebanyak RM1.5 juta untuk membina sebuah makmal makanan di dalam Kompleks Pasar Borong Kuala Lumpur, Selayang.

Makmal tersebut yang mula beroperasi pada akhir tahun 1995 telah menjalankan ujian percubaan makmal untuk mengkaji sejauh mana keberkesanan dan



Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff sedang membuat ujian di Makmal Pasar Borong Kuala Lumpur, Selayang.

kemampuan makmal itu. Makmal berkenaan yang masih belum dilengkapi sepenuhnya dengan alat kelengkapan itu diselaraskan oleh Jabatan Kesihatan, DBKL. Ia dijangka beroperasi sepenuhnya dalam tahun 2000.

Pasar Borong Kuala Lumpur, Selayang mengendalikan 70% daripada sumber barang mentah makanan. Makmal makanan di pasar tersebut menjalankan pemantauan atas bahan-bahan makanan bagi menjamin mutu dan keselamatan. Jenis ujian yang dijalankan antaranya

menentukan kandungan sisa baki racun serangga, kandungan bahan pengawet dalam makanan, kandungan kimia dalam air minuman dan pencemaran kuman coliform dan E. coli.

Analisis yang dijalankan dengan

menggunakan kaedah Rapid Bioassay menunjukkan pelanggaran sisa baki racun serangga ke atas buah-buahan, sayuran berdaun dan tidak berdaun meningkat daripada 6.2% dalam tahun 1996, 11.2 % dalam tahun 1997 kepada 28.4% dalam tahun 1998. Antara buah-buahan dan sayuran yang mempunyai kadar sisa baki racun serangga yang tinggi yang telah diuji di makmal tersebut ialah sayur kangkung, sawi putih, kubis, bendi, tembikai susu dan epal merah.

Sambungan ke muka surat 14

MENARIK



1 Makmal Analisis Makanan

2 Menarik

3 Dari Meja Editor

4 - 5 Penjagaan Kualiti Udara Adalah Tanggungjawab Bersama

6 - 7 Perumahan DBKL Bersih Indah



8 - 9 Kakitangan Cemerlang Terima Anugerah

10 - 11 LRT- Pengangkutan Awam Pantas

12 - 13 Stadium Titiwangsa Kuala Lumpur



24 - 25 LRT-Express Public Transport

26 - 27 Titiwangsa Stadium Kuala Lumpur



28 Puisi Membilang Hari

29 Konsert Getaran Jiwa

30 Puisi Getaran Jiwa

32 Tingkatkan Lagi Kebersihan

15 Cuti - Sabtu Pertama

Setiap Bulan

16 - 17 Kekalkan Wajah Hijau




18 - 19 Pengangkutan Awam Jadi Pilihan Di Musim Perayaan

20 - 21 Maintain Green Image

22 - 23 Food Analysis Laboratory



EDITORIAL



DARI MEJA EDITOR

Penasihat :

Sanusi Bin Samid

Editor:

Sariffuddin Bin Ibrahim

Sub Editor :

Zainon Bt. Hj. Alias

Jurufoto :

Mubarak Mohd Atan
Abdul Rani Mohd Sohor
Md. Ismail Isnin
Nik Rozali Nik Othman

Edaran:

Ramlan Salleh

Alamat Editor

Suara DBKL, Bahagian Hal Ehwal Awam,
 Jabatan Pengurusan Organisasi,
 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
 Atau berhubung dengan
Puan Zainon Bt. Hj. Alias
 Tel: 03-2916011 samb.3855
 Faks: 03-2980460

PERHATIAN

Semua pendapat dan buah fikiran dalam
 Suara DBKL tidak semestinya pendapat
 rasmi Pentadbiran
 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Cetakan

Percetakan Nasional Malaysia Berhad
 Jalan Chan Sow Lin 50554
 Kuala Lumpur

17 Disember 1998 merupakan satu tarikh yang bersejarah dan tidak mudah dilupakan oleh seramai 284 kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) iaitu Majlis Anugerahan Sipil dan Cenderamata Perkhidmatan Cemerlang. Pengorbanan dari segi masa, wang dan ada yang terpaksa meninggalkan keluarga sama ada dalam keadaan sihat atau sakit semata-mata untuk menyahut seruan tugas.

Pentadbiran DBKL tidak lupa akan mereka ini sebaliknya mengiktiraf perkhidmatan yang dilaksanakan oleh mereka untuk meningkatkan martabat Dewan

Bandaraya Kuala Lumpur sebagai ibu negara bersih dan indah.

Sikap bertanggungjawab, istiqamah dan ikhlas patut ditanam dalam setiap kakitangan. Dengan adanya sikap-sikap tersebut, tugas dapat dilaksanakan dengan baik.

Semangat serta azam seramai 1,687 kakitangan yang pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang DBKL sejak 1993 hingga 1998 akan terus ada dalam jiwa mereka untuk meningkatkan kecekapan dan menjadi pekerja yang kreatif dan berinovasi dalam menjalankan tugas